

**ANIH BERHAD BUKA SEMULA LALUAN KM66.1:
MEMASTIKAN KESELAMATAN SELEPAS KEJADIAN MENDAPAN
TANAH**

KUALA LUMPUR, 28 JULAI 2023 - ANIH Berhad hari ini mengumumkan pembukaan semula KM66.1 selepas menangani insiden mendapan tanah yang berlaku Rabu lalu selepas langkah-langkah komprehensif diambil dan usaha penilaian yang sewajarnya telah dilaksanakan.

Susulan kejadian tersebut, semua pihak terlibat termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bomba, Malaysia Rail Link (MRL) telah membuat penilaian segera dan dengan kelulusan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), telah mengambil tindakan pemulihan segera. ANIH bersama pihak terlibat ini bekerjasama dalam memudahkan pembukaan semula lebuh raya dengan segera, memastikan keselesaan dan keselamatan semua pengguna jalan raya.

Tindak balas yang terselaras daripada pasukan ANIH bersama-sama dengan sokongan pihak yang berwajib memainkan peranan penting dalam menyelesaikan keadaan dengan pantas semasa usaha pemulihan.

ANIH Berhad kekal komited untuk mengekalkan standard keselamatan tertinggi dan pemantauan berterusan keadaan jalan raya. Keselamatan dan kesejahteraan semua pengguna jalan raya sentiasa menjadi perhatian utama kami.

Kami menasihatkan agar semua pengguna jalan raya mematuhi had laju yang ditetapkan dan berhati-hati semasa memandu di KM66.1. Tanggungjawab kolektif ini bagi memastikan perjalanan yang lancar dan selamat untuk semua.

Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, para pengguna disarankan untuk mengikuti saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook (@Lebuhraya Pantai Timur) dan Twitter, (@LPTTrafik) serta Lembaga Lebuhraya Malaysia di Twitter (@Ilmtrafik) dan Facebook (@Lembaga Lebuhraya Malaysia) . Untuk sebarang kecemasan, sila hubungi LPT - Line di 1-700-818-700 atau LLM di 1800-88- 7752.

Kekal Berhati-hati. Kekal Selamat.

**KOMUNIKASI KORPORAT KUMPULAN
KUMPULAN MTD**
communications@mtdgrop.com.my